

Selendang kuning tanda rela bertanggungjawab

SELINDANG broked kuning langsung yang merangkul bahu serta lencana emas yang menghiasi dada Datin Seri Dr. Siti Hasmah ini, adalah manifestasi pertambahan tanggungjawabnya dalam kegiatan sukarela, yang memang sudah lama diceburinya.

Dengan rela hati, isteri Perdana Menteri ini menerima tanggungjawab sebagai Yang DiPertua Persatuan Pandu Puteri, menggantikan bekas isteri Perdana Menteri, Toh Puan Suhailah.

Dengan semangat untuk terus berkhidmat kepada agama, bangsa dan tanahair, Datin Seri Hasmah menerima selendang dan lencana tersebut dari Ketua Pesuruhjaya Pandu Puteri Malaysia, Puan Hajjah Hendon Haji Din (kanan).

Upacara ini berlangsung di Wisma Pandu Puteri, Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur, semalam.

Dalam ucapannya selepas majlis itu, Datin Seri Hasmah menyeru Persatuan Pandu Puteri supaya menjelaskan struktur organisasi mereka kepada masyarakat kerana tanpa pengetahuan yang betul, masyarakat boleh keliru terhadap persatuan itu.

Beliau juga memuji pergerakan pandu puteri kerana ia boleh memimpin gadis memupuk disiplin yang sempurna.

Upacara semalam juga menyambung semula ikatan beliau dengan persatuan yang mula-mula diceburinya sejak tahun 1946.

Ketika itu, Datin Seri Hasmah menuntut di Sekolah Menengah Pudu.

Aktivitinya terhenti apabila beliau melanjutkan pelajaran di Singapura. Bagaimanapun, dalam tahun 1960an, beliau dilantik menjadi Naib-Presiden Persatuan Pandu Puteri Kedah.

Pada 14 Disember, Datin Seri Siti Hasmah akan merasmikan penutup jambori pandu puteri di Universiti Pertanian Malaysia.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia